

LAWATAN FRASER ERATKAN LAGI HUBUNGAN - MAHATHIR

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Lawatan Perdana Menteri Australia, Encik Malcolm Fraser ke negara ini telah berjaya mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada antara Malaysia dengan negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini, kedua-dua negara kini saling faham memahami masalah masing-masing hasil pertemuan antara beliau dengan Encik Fraser dan para pegawai kedua negara.

"Rundingan-rundingan antara saya dengan Encik Fraser semalam dan hari ini berhasil menyelesaikan beberapa masalah kecil yang wujud antara Australia dengan Malaysia sejak beberapa waktu lalu," tegasnya dalam satu sidang akhbar di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan beberapa Menteri Kabinetnya mengadakan perbincangan kedua dengan Perdana Menteri Australia itu dan pegawai-pegawainya petang ini.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri menjelaskan kepada Encik Fraser tentang masalah-masalah politik yang dihadapi oleh rantau ini khususnya soal Kam-puchea.

Difahami

Hadir sama dalam pertemuan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, mereka telah menjelaskan mengapa Malaysia cuba menggalakkan penyelesaian politik bagi mengatasi isu Kampuchea dan perkara ini telah difahami oleh Encik Fraser.

Mengenai dasar penghijrahan Australia, Perdana Menteri berharap negara itu tidak semata-mata mengambil rakyat Malaysia yang mempunyai kelulusan dan kemahiran sahaja.

"Australia tidak seharusnya memilih orang-orang yang berkelayakan sahaja tetapi patut turut mengambil mereka yang tidak mempunyai kelulusan," ujarnya.

Di bidang industri, Datuk Seri Dr. Mahathir berharap Australia akan menempatkan industri-industri berasaskan teknologi rendah dan penggunaan tenaga pekerja yang ramai di negara ini.

No. Siri ..

No. Pener